

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Majlis Peguam puji '2 M'

"COMPLIMENT from the M'sian Bar," kata sebuah kepala di New Straits Times Mac 6, 1982. Berita berikutan berkata, peguam Malaysia menyuarakan kata-kata pujian terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir dan Timbalannya Datuk Musa Hitam atas tindakan mereka semenjak memegang jawatan.

"Kami berasa angin liberal di udara yang kami alu-alukan dan harap akan terus bertiup secara berkekalan," kata majalah mereka, "Insaf".

Dalam lidah pengarangnya, "Insaf" berkata, tindakan-tindakan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah mencerminkan kemungkinan bahawa alasan dan kejadian yang akan mendorong majlis peguam untuk memperjuangkan hak mereka dalam usaha mempertahankan keadilan akan berkurangan.

"Kami memuji keazaman Perdana Menteri itu untuk melaksanakan pentadbiran dengan bersih dan secara terbuka," tambah lidah pengarang. "Kami menyokong keputusan beliau yang membawa kepada pembebasan orang-orang tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan pembatalan sekatan ke atas mereka yang telah dibebaskan.

"Pendirian Timbalan Perdana Menteri terhadap isu isteri-isteri asing (foreign wives) adalah sejajar dengan keadilan. Perintah Dr. Mahathir kepada pegawai-pegawai awam supaya mematuhi waktu datang kerja, dan keputusan beliau memperbaiki Biro Pengaduan Awam, adalah langkah-langkah yang baik, yang bertujuan memastikan birokrasi sentiasa diawasi.

"Akhir telah jua, nampaknya, menjadi lebih berani menyuarakan teguran terhadap ketidakcekapan dan korapsi."

Komen Penulis:

"Fair", yakni adil, nampaknya, Majlis Peguam itu, kerana hanya bukanlah sahaja pandal mengkritik dan berdemonstrasi, tapi boleh jua menyuarakan pujian dan penghargaan yang kena pada tempatnya.... Dalam bahasa lain, ahlinya tidak seperti setengah-setengah orang dari golongan tertentu yang hanya bijak mencari kesalahan dan memburukkan orang (yang mereka lebal sebagai "lawan"), tanpa berkebolehan samasekali dari segi mental melihat dan menghargai apa yang baik yang dilakukan oleh orang yang mereka anggap sebagai "musuh"....